

# Tambang MAS ke Sabah tidak naik

BH 14 DEC 2000

KOTA KINABALU, Rabu – Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan rayuan kerajaan Sabah agar kadar tambang penerbangan domestik di negeri ini serta bagi destinasi Sabah-Semenanjung tidak dinaikkan.

Peretujuan itu dinyatakan dalam sepucuk surat dari Pejabat Perdana Menteri kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Datuk K Y Mustafa yang diterima pagi ini.

Mengumumkannya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri di sini, Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, berkata persetujuan itu adalah sesuatu yang menggembirakan dan membawa banyak kebaikan.

“Dalam surat itu, Kerajaan Persekutuan bersetuju dengan rayuan Sabah agar Penerbangan Malaysia (MAS) tidak menaikkan kadar tambang penerbangan domestik,” katanya.

Sebelum ini, MAS dilaporkan mengkaji kemungkinan menaikkan tambang penerbangan domestik sehingga 50 peratus. Cadangan itu bagaimanapun, mendapat bantahan pelbagai pihak dan pertubuhan yang berpendapat ia tidak wajar dilakukan.

Antara alasan yang diberikan kenaikan tambang itu boleh menggagalkan proses integrasi nasional.

Berikutan itu, kerajaan negeri menghantar rayuan kepada Kerajaan Pusat meminta supaya cadangan itu tidak dilaksanakan.

Osu berkata, kerajaan amat berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas keprihatinan mempertimbangkan rayuan yang dikemukakan kerajaan negeri.